

03/02/1997

AirAsia tambah laluan di Asia

AIRASIA Sdn Bhd (AirAsia), yang beroperasi November tahun lalu dijangka menambah laluannya ke beberapa negara di Asia termasuk China, India dan Indonesia.

Pengarah AirAsia, Datuk Tik Mustaffa, berkata bagi tujuan itu AirAsia sudah menghantar permohonan kepada Kementerian Pengangkutan secara berkala sejak tiga bulan lalu.

"Ia dijangka memperoleh kelulusan dalam tempoh sedikit masa lagi," katanya pada majlis menepung tawar pesawat AirAsia Boeing 737-300s di Subang, kelmarin.

Majlis itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

AirAsia adalah syarikat penerbangan Malaysia yang terbaru memulakan operasinya ke beberapa destinasi di Asean termasuk Pattaya, Thailand; Taipeh dan Kaoshiung di Taiwan.

Setakat ini, sasaran utamanya adalah untuk sektor pelancongan.

Syarikat itu adalah usaha sama di antara Hicom Holdings Bhd dan Mofaz Air Sdn Bhd dengan masing-masing memegang ekuiti sebanyak 85 peratus dan 15 peratus.

Menurut Tik, setakat ini AirAsia hanya beroperasi dengan dua kapal terbang Boeing 737-300s yang boleh memuatkan 148 penumpang. Kedua-duanya disewa pajak daripada sebuah syarikat penerbangan Amerika Syarikat, GE Capital Aviation Services Ltd.

Bagaimanapun, AirAsia juga bercadang untuk membeli kapal terbangnya sendiri pada 1999 bagi meningkatkan perkhidmatan syarikat itu.

Bagi mengembangkan perkhidmatannya, AirAsia merancang untuk menyewa pajak dua kapal terbang Boeing 757 yang mampu memuat kira-kira 230 penumpang.

"Ia dijangka dilaksanakan pada akhir tahun ini," katanya.

Beliau berkata, dalam jangka masa panjang, AirAsia dijangka mengembangkan operasinya ke negara Eropah, Timur Tengah dan Amerika Syarikat.

Selain itu, bagi memenuhi permintaan sempena musim perayaan berkembar tahun ini, AirAsia turut melakukan penerbangan dalam negeri ke Kota Bharu, Kelantan dan Kota Kinabalu, Sabah.

(END)